

Khuatir lebih ramai terpesong

BH 10 SEP 1991

# Syeikhul Arqam disiasat: PM

Oleh AMINUDDIN IBRAHIM

**JITRA:** Kerajaan akan menilai kegiatan Syeikhul Al-Arqam, Ustaz Ashaari Muhammad sama ada ia menimbulkan bahaya dan menjejaskan keselamatan negara, kata Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Sambil menyifatkan pegangan 'Aurad Muhammadiyah' oleh kumpulan itu sebagai menyimpang daripada ajaran Islam, Perdana Menteri berkata, kerajaan terpaksa menghentikan segera kegiatan kumpulan itu supaya tidak ramai yang terpesong.

Beliau berkata demikian ketika menjawab soalan pemberita sama ada kerajaan akan menggunakan Akta Keselamatan Dalam Negeri (ISA) untuk menahan Ustaz Ashaari yang kini dipercayai ada di Phuket, sekembalinya dari sana, kerana menyebarkan tarekat Aurad Muhammadiyah.

Datuk Seri Dr Mahathir berkata, ahli Al-Arqam hanya percaya kepada Aurad Muhammadiyah yang antara lain percaya Imam Mahadi menjelma di hutan dan ini adalah karut belaka.

"Jika kerajaan membenarkan kumpulan itu bergiat, dikhuatiri lebih ramai yang akan terpesong dan ini merugikan kita," katanya.

Beliau berkata, sebagai contoh beberapa penuntut universiti dihasut meninggalkan pelajaran untuk berkahwin dengan anggota kumpulan itu.

"Saya dengar ada wanita asing yang meluk Islam sudah diambil oleh mereka untuk berkahwin kerana kononnya itu kehendak agama," katanya kepada pemberita selepas merasmikan Mesyuarat Perwakilan Umno Bahagian Kybong Pasu di sini, semalam.

Datuk Seri Dr Mahathir berkata, penyalahgunaan agama untuk kepentingan diri berlaku di kalangan ahli Al-Arqam dan kerajaan tidak harus membenarkan ia berleluasa.

Perdana Menteri tidak memberitahu sama ada kerajaan mengharamkan pertubuhan itu walaupun kegiatannya diharamkan.

Sementara itu, mengenai cadangan MIC supaya kerajaan menubuhkan tabung amanah

LIHAT MUKA 2

Semua

parti

diberi

peluang

DARI MUKA 1

seperti Amanah Saham Nasional (ASN) dan Amanah Saham Bumiputera (ASB) bagi masyarakat India, Datuk Seri Dr Mahathir berkata: "MIC seharusnya berusaha sendiri menjayakannya."

Beliau berkata, kerajaan tidak ada rancangan untuk menubuhkan tabung amanah seperti yang dicadangkan oleh MIC.

Kelmarin, dalam Perhimpunan Agung MIC Ke-38, Presiden parti itu, Datuk Seri S Samy Vellu, mencadangkan kerajaan menubuhkan tabung amanah bagi pembangunan ekonomi masyarakat India di seluruh negara.

Perdana Menteri berkata, kerajaan memberi peluang kepada semua parti untuk melaksanakan setiap rancangan yang difikirkan wajar.

Mengulas perkembangan pilihanraya Singapura awal bulan ini, Datuk Seri Dr Mahathir berkata, keupayaan pembangkang memenangi empat kerusi daripada parti pemerintah, People's Action Party (PAP) menerusi sistem demokrasi adalah wajar.

"Kita sendiri tidak berhasrat mempunyai sistem tanpa pembangkang. Walaupun kelazimannya pembangkang tidak memberi pandangan bernas, ada kalanya pandangan itu perlu.

"Sehubungan itu, kita akan menerima kenyataan bahawa menerusi sistem demokrasi, kita memerlukan parti pembangkang," katanya.

Menurutnya, kemenangan PAP adalah tepat.